Cancer is defined as the uncontrollable growth and spread of malignant cells and the invasion and destruction of normal tissue for which major interventionist treatment or surgery (excluding endoscopic procedures alone) is considered necessary. The cancer must be confirmed by histological evidence of malignancy. The following conditions are excluded:

- Carcinoma in situ including of the cervix;
- Ductal Carcinoma in situ of the breast;
- Papillary Carcinoma of the bladder & Stage 1 Prostate Cancer;
- All skin cancers except malignant melanoma;
- Stage 1 Hodgkin's disease;
- Tumours manifesting as complications of AIDS.

It is a specific condition of this benefit that notwithstanding the exclusion of pre-existing conditions, this benefit will not be payable for any Insured who had been diagnosed as a cancer patient and/or is receiving cancer treatment prior to the effective date of Insurance.



YURAN LAPORAN PERUBATAN

Pembiayaan bagi caj sebenar yang dikenakan oleh doktor atau pakar bedah yang merawat untuk menyiapkan laporan perubatan, tetapi pembiayaan ini tidak akan melebihi jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.



TRANSPLAN ORGAN

Pembiayaan bagi Caj Biasa dan Munasabah yang diperlukan dari segi perubatan untuk pembedahan pemindahan organ untuk Orang yang Diinsuranskan sebagai penerima transplan buah pinggang, paru-paru, hati atau tulang sumsum. Bayaran untuk manfaat ini hanya boleh dituntut sekali seumur hidup semasa polisi ini masih berkuatkuasa dan tertakluk kepada had yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat. Kos pemerolehan organ dan semua kos yang ditanggung oleh penderma tidak dilindungi.



RAWATAN BULANAN KANSER PESAKIT LUAR

Jika Orang yang Diinsuranskan didiagnos dengan Kanser seperti yang ditakrifkan di bawah, Syarikat Insurans akan membayar balik Caj Biasa dan Munasabah untuk rawatan Kanser yang diperlukan dari segi perubatan yang dijalankan di Pusat Rawatan Kanser yang berdaftar tertakluk kepada had ketidakupayaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Rawatan tersebut (radioterapi atau kemoterapi, tetapi tidak termasuk perundingan, ujian pemeriksaan dan ubat-ubatan yang dibawa pulang) hendaklah diterima di Jabatan Pesakit Luar Hospital atau di Pusat Rawatan Kanser yang berdaftar sebaik sahaja selepas keluar dari Hospital atau pembedahan.

Kanser ditakrifkan sebagai ketumbuhan sel yang tidak terkawal dan penyebaran sel-sel malignan yang melibatkan serangan dan pemusnahan tisu normal yang akibatnya rawatan atau pembedahan adalah diperlukan (tetapi tidak termasuk prosedur endoskopi). Kanser tersebut mesti disahkan melalui tanda histologi malignan. Keadaan-keadaan berikut adalah dikecualikan:

- Karsinoma in situ termasuk pada serviks;
- Ductal Karsinoma in situ pada payudara;
- Karsinoma Papilari pada pundi kencing & Kanser Prostat Peringkat 1;
- Semua kanser kulit kecuali melanoma malignan;
- Penyakit Hodgkin Peringkat 1;
- Tumor yang jelas dari komplikasi AIDS.

Adalah syarat khas bagi manfaat ini, bahawa walaupun polisi ini tertakluk kepada pengecualian Keadaan Sedia Ada, manfaat ini tidak akan dibayar untuk mana-mana Orang yang Diinsuranskan yang telah didiagnos sebagai pesakit kanser dan / atau sedang menerima rawatan kanser sebelum tarikh Insurans berkuatkuasa.



MONTHLY OUTPATIENT KIDNEY DIALYSIS TREATMENT

If an Insured is diagnosed with Kidney Failure as defined below, the Company will reimburse the Reasonable and Customary Charges incurred for the Medically Necessary treatment of kidney dialysis performed at a legally registered dialysis centre subject to the limit of this disability as specified in the Schedule of Benefits.

Such treatment (dialysis excluding consultation, examination tests, take home drugs) must be received at the out-patient department of a Hospital or a registered dialysis treatment centre immediately following discharge from Hospital confinement or surgery.

Kidney Failure means end stage renal failure presenting as chronic, irreversible failure of both kidneys to function as a result of which renal dialysis is initiated.

It is a specific condition of this benefit that notwithstanding the exclusion of pre-existing conditions, this benefit will not be payable for any Insured who has developed chronic renal diseases and/or is receiving dialysis treatment prior to the effective date of Insurance.



FUNERAL EXPENSES

This benefit is paid in the event of an Insured's death as a result of accidental injuries happening within the term of the policy.



SNATCH THEFT COMPASSIONATE ALLOWANCE

This benefit shall be paid, resulting from an Insured Person, having encountered a Snatch Theft and sustained injuries requiring emergency outpatient accidental treatment. This benefit shall become payable when the benefit for Emergency Outpatient Treatment is paid and provided always, to be supported with a Police Report on the incident of a Snatch Theft. The maximum benefits payable shall not exceed the benefit as stated in the Schedule of Benefits.



TRADITIONAL MEDICAL TREATMENT

Reimbursement of the Reasonable and Customary Charges for a Medically Necessary treatment as an outpatient due to an accident, by a registered traditional medical practitioner up to a maximum as set forth in the Schedule of Benefits and is only payable if the Insured Person receives treatment within twenty four (24) hours after the accident. This payment is included in the total amount payable under Emergency Accidental Outpatient treatment.



RAWATAN BULANAN DIALISIS BUAH PINGGANG PESAKIT LUAR

Jika Orang yang Diinsuranskan didiagnos dengan Kegagalan Buah Pinggang seperti yang ditakrifkan di bawah, Syarikat Insurans akan membiayai Caj Biasa dan Munasabah bagi rawatan dialisis buah pinggang yang diperlukan dari segi perubatan yang dijalankan di pusat dialisis yang berdaftar, tertakluk kepada had ketidakupayaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Rawatan tersebut (dialisis yang tidak termasuk perundingan, ujian pemeriksaan, ubat-ubatan yang dibawa pulang) hendaklah diterima di Jabatan Pesakit Luar di Hospital atau di pusat rawatan dialisis berdaftar sebaik sahaja selepas keluar dari Hospital atau pembedahan.

Kegagalan buah pinggang bermakna peringkat akhir kegagalan renal yang kronik di mana fungsi kedua-dua buah pinggang tidak boleh dipulihkan dan akibatnya dialisis renal perlu dimulakan.

Ia adalah syarat yang khas bagi manfaat ini, tanpa pengecualian ke atas penyakit yang sedia ada, manfaat ini tidak akan dibayar untuk mana-mana Orang yang Diinsuranskan yang mengalami penyakit buah pinggang kronik dan / atau sedang menerima rawatan dialisis sebelum tarikh Insurans berkuatkuasa.



PERBELANJAAN PENGEBUMIAN

Manfaat ini dibayar sekiranya berlaku kematian Orang yang Diinsuranskan akibat daripada kecederaan kemalangan yang berlaku dalam tempoh polisi berkuatkuasa.



ELAUN KHAS KES RAGUT

Manfaat ini akan dibayar, apabila Orang yang Diinsuranskan memerlukan rawatan kecemasan pesakit luar untuk kecederaan yang melibatkan kes ragut. Manfaat ini hendaklah dibayar apabila manfaat untuk rawatan kecemasan pesakit luar dibayar dengan syarat ia disokong dengan laporan polis mengenai kes ragut tersebut. Manfaat maksimum yang akan dibayar tidak boleh melebihi manfaat yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.



RAWATAN PERUBATAN TRADISIONAL

Pembiayaan bagi Caj Biasa dan Munasabah bagi rawatan pesakit luar untuk kecederaan akibat daripada kemalangan, yang diperlukan dari segi perubatan, oleh seorang pengamal perubatan tradisional yang berdaftar sehingga tempoh maksimum yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat dan hanya dibayar jika Orang yang Diinsuranskan menerima rawatan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari masa kemalangan tersebut. Bayaran ini adalah termasuk dalam jumlah yang dibiayai untuk rawatan kecemasan kemalangan pesakit luar.

EXCLUSION

This contract does not cover any hospitalisation, surgery or charges caused directly or indirectly, wholly or partly, by any one (1) of the following occurrences:

1. Pre-existing illness.
2. Any medical or physical conditions arising within the first 30 days of the Insured Person's cover or date of reinstatement whichever is latest except for accidental injuries.
3. Care or treatment for which payment is not required or to the extent which is payable by any other insurance or indemnity covering the Insured and Disabilities arising out of duties of employment or profession that is covered under a Workman's Compensation Insurance Contract.
4. Plastic/Cosmetic surgery, circumcision, eye examination, glasses and refraction or surgical correction of nearsightedness (Radial Keratotomy) and the use or acquisition of external prosthetic appliance or devices such as artificial limbs, hearing aids, implanted pacemakers and prescriptions thereof.
5. Dental conditions including dental treatment or oral surgery except as necessitated by Accidental Injuries to sound natural teeth occurring wholly during the Period of Insurance.
6. Private nursing, rest cures or sanatoria care, illegal drugs, intoxication, sterilisation, venereal disease and its sequelae, AIDS (Acquired Immune Deficiency Syndrome) or ARC (AIDS Related Complex) and HIV related diseases, and any communicable diseases requiring quarantine by law.
7. Any treatment or surgical operation for congenital abnormalities or deformities including hereditary conditions.
8. Pregnancy, child birth (including surgical delivery), miscarriage, abortion and prenatal or postnatal care and surgical, mechanical or chemical contraceptive methods of birth control or treatment pertaining to infertility. Erectile dysfunction and tests or treatment related to impotence or sterilisation.
9. Psychotic, mental or nervous disorder, (including any neuroses and their physiological or psychosomatic manifestations).

PENGECUALIAN

Kontrak ini tidak akan melindungi sebarang kemasukan ke hospital, pembedahan atau caj yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) keadaan berikut:

1. Penyakit sedia ada.
2. Apa-apa keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama perlindungan atau pengembalian semula insurans Orang Yang Diinsuranskan, mengikut mana yang terkini, kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan.
3. Jagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak diperlukan atau yang akan dibayar oleh mana-mana insurans atau biayaan yang melindungi Orang yang Diinsuranskan termasuk ketidakupayaan yang berlakunya semasa bertugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja.
4. Pembedahan plastik / kosmetik, berkhatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan rawatan rabun dekat melalui pembiasan atau pembedahan (Keratotomi Radial) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplankan dan preskripsinya.
5. Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana Kecederaan Akibat Kemalangan yang mencederakan gigi asli sihat, yang berlaku sepenuhnya dalam tempoh Insurans.
6. Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan di pusat sanatorium, dadah yang salah disisi undang-undang, mabuk, pensterilan, penyakit kelamin dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS), penyakit yang berkaitan dengan HIV dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin dari segi undang-undang.
7. Apa-apa rawatan atau pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan.
8. Kehamilan, bersalin (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan pranatal atau postnatum, kontraseptif melalui kaedah pembedahan, mekanikal atau kimia bagi mengawal kelahiran atau rawatan berkaitan ketidaksuburan, disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan.
9. Psikotik, gangguan mental atau gangguan perasaan (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).

10. Hospitalisation primarily for investigatory purposes, diagnosis, X-ray examination, general physical or medical examinations, not incidental to treatment or diagnosis of a covered Disability or any treatment which is not Medically Necessary and any preventive treatments, preventive medicines or examinations carried out by a Physician, and treatments specifically for weight reduction or gain.
 11. Costs/expenses of services of a non-medical nature, such as television, telephones, telex services, radios or similar facilities, admission kit/pack and other ineligible non-medical items.
 12. Sickness or injury arising from racing of any kind (except foot racing), hazardous sports such as but not limited to skydiving, water skiing, underwater activities requiring breathing apparatus, winter sports, professional sports and illegal activities.
 13. Suicide, attempted suicide or intentionally self-inflicted injury while sane or insane.
 14. Private flying other than as a fare-paying passenger in any commercial scheduled airlines licensed to carry passengers over established routes.
 15. War or any act of war, declared or undeclared, criminal or terrorist activities, active duty in any armed forces, direct participation in strikes, riots and civil commotion or insurrection.
 16. Ionising radiation or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or nuclear waste from process of nuclear fission or from any nuclear weapons material.
 17. Expenses incurred for donation of any body organ by an Insured Person and cost of acquisition of the organ including all costs incurred by the donor during organ transplant and its complications.
 18. Expenses incurred for sex changes.
 19. Investigation and treatment of sleep and snoring disorders, hormone replacement therapy and alternative therapy such as treatment, medical service or supplies, including but not limited to chiropractic services, acupuncture, acupressure, reflexology, bone-setting, herbalist treatment, massage or aromatherapy or other alternative treatments.
10. Penghospitalan yang sebab utamanya adalah untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-x, pemeriksaan umum secara fizikal atau perubatan, rawatan yang tidak berkaitan dengan, atau tidak bertujuan untuk mendiagnos ketidakupayaan yang dilindungi, sebarang rawatan yang tidak perlu dari segi Perubatan, sebarang rawatan yang bertujuan pencegahan penyakit, ubat-ubatan atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan yang khususnya dijalankan untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.
 11. Kos / perbelanjaan bagi perkhidmatan yang bersifat bukan perubatan seperti televisyen, telefon, perkhidmatan teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit / pek penghospitalan dan barang-barang tidak berkaitan dengan perubatan lain yang tidak layak dibiayai.
 12. Penyakit atau kecederaan yang ditimpa akibat sebarang jenis aktiviti perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti, tetapi tidak terhad kepada terjun di udara, meluncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang salah di sisi undang-undang.
 13. Tindakan bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika keadaan siuman atau tidak siuman.
 14. Penerbangan secara peribadi, kecuali sebagai penumpang berbayar tambang yang menaiki mana-mana penerbangan komersial berjadual yang berlesen untuk membawa penumpang melalui laluan yang ditetapkan.
 15. Peperangan atau apa-apa tindakan berperang, sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, bertugas secara aktif di mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam aktiviti mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau pemberontakan.
 16. Radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau sisa nuklear yang terhasil daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear.
 17. Perbelanjaan yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ oleh Orang yang Diinsuranskan dan kos pemerolehan organ, termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya
 18. Perbelanjaan yang dikenakan untuk pertukaran jantina.
 19. Penyiasatan dan rawatan bagi gangguan tidur dan berdengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, perkhidmatan atau bekalan perubatan untuk terapi yang termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan alternatif yang lain.

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

[Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up the Progressive Care – Jade Individual & Family Policy]

1. What is this product about?

This policy provides cover for hospitalisation and surgical expenses incurred as a result of an accident or a covered illness under the policy.

2. What are the covers / benefits provided?

This policy covers the benefits listed below, for details of the limits of benefits covered, please refer to the product brochure attached.

- Daily Room & Board
- Intensive Care Unit
- Hospital Miscellaneous Expenses
- In-Hospital Physician's Visit
- Pre-Hospitalisation Treatment
- Post-Hospitalisation Treatment
- Surgical Fees (including Operating Theatre & Anesthetist fees)
- Day Care Procedure
- Emergency Accidental Outpatient Treatment
- Ambulance Fees
- Medical Report Fee
- Government Tax
- Government Hospital Daily Cash Allowance
- Organ Transplant (Heart, Kidney, Lung, Liver & Bone Marrow)
- Outpatient Cancer Treatment
- Outpatient Kidney Dialysis
- Funeral Expenses

Duration of cover is for one year. You are required to renew your cover annually.

3. How much premium do I have to pay? Please refer to the brochure for details.

The total premium that you have to pay may vary depending on the underwriting requirement of the Company. The premiums may be revised on renewal according to your age and the changes in your health condition.

4. What are the fees and charges that I have to pay?

If your policy is purchased through an agent, your Insurance Company will pay a commission of 15% to the agent. There is a RM10 Stamp Duty and Government Tax applicable on each policy.

LEMBARAN PENERANGAN PRODUK

[Sila baca Lembaran Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Individu & Keluarga Progressive Care-Jade]

1. Apakah produk ini?

Polisi ini membiayai caj yang dikenakan semasa kemasukan ke hospital untuk rawatan dan pembedahan akibat kemalangan atau penyakit yang dilindungi menurut terma-terma polisi.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi manfaat yang disenaraikan di bawah. Untuk maklumat lanjut mengenai had manfaat yang dilindungi, sila rujuk kepada risalah produk yang dilampirkan.

- Bilik Hospital dan Penginapan Harian
- Unit Rawatan Rapi
- Pelbagai Perkhidmatan Hospital
- Perundingan Doktor di Dalam Hospital
- Rawatan Pra-Hospital
- Rawatan Susulan Selepas Penghospitalan
- Caj Untuk Pembedahan (termasuk Caj Bilik Pembedahan & Yuran Pakar Bius)
- Prosedur Jagaan Harian
- Rawatan Kecemasan Pesakit Luar Akibat Kemalangan
- Yuran Ambulans
- Yuran Laporan Perubatan
- Cukai Kerajaan
- Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan
- Transplan Organ (jantung, buah pinggang, paru-paru, hati dan sum-sum tulang)
- Rawatan Pesakit Luar bagi Kanser
- Rawatan Pesakit Luar bagi Dialisis Buah Pinggang
- Perbelanjaan Pengebumian

Tempoh perlindungan adalah untuk setahun. Anda dikehendaki memperbaharui perlindungan anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar? Sila rujuk kepada risalah untuk maklumat lanjut.

Jumlah premium yang perlu dibayar mungkin berbeza bergantung kepada tatasyarat Syarikat Insurans. Premium pembaharuan mungkin akan meningkat mengikut umur dan juga perubahan dalam keadaan kesihatan anda.

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Jika anda membeli polisi ini melalui ejen, syarikat insurans anda akan membayar komisen 15% kepada ejen itu. Setiap polisi akan dikenakan Cukai Kerajaan dan juga RM10 untuk Cukai Setem.

5. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

- Importance of disclosure- It is your duty to disclose everything known to you before we accept your application for insurance, or a reasonable person in the circumstances would have included in the answers, which may influence our decision to accept your application for insurance or the terms that we may impose on you, such as any medical conditions, age, occupation, hobbies or pursuits which may increase your risk of bodily injury or illness.
- Free-look period – you may cancel your policy by returning the policy within 15 days after you have received the policy. The premiums that you have paid (less any administrative fee incurred) will be refunded to you.
- Qualifying / waiting period – the eligibility for benefits under the policy will only start 30 days after the effective date of the policy.
- Unless renewed, the coverage will cease on the expiry date and the insurance company shall strictly not be liable for any expenses that take place after the expiry date.
- Co-payment – Please always ensure you do not exceed the amount of Hospital Room and Board you are insured for. You will have to pay the excess in the Hospital Room and Board and 20% of the total costs incurred, in the event you admit to a Hospital Room higher than the amount you are insured for.

6. What are the major exclusions under this policy?

This policy does not cover:

- Pre-existing Conditions and Specified Illnesses
- Maternity
- Congenital abnormalities
- Accidental injuries or illnesses arising from racing
- Cosmetic or plastic surgery
- Dental work or treatment including oral surgery

Note:

This list is non-exhaustive. Please refer to the policy contract for the full list of exclusions under this policy.

7. Can I cancel my policy?

You may cancel your policy by giving a written notice to the insurance company. Upon cancellation, you are entitled to a certain amount of refund of the premium provided you have not made a claim on the policy. Your premium refund will be based on a short period rate on the unexpired period of your policy.

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya fahamkan?

- Kepentingan dalam memberi maklumat sepenuhnya - ia adalah tugas anda untuk memastikan bahawa semua maklumat yang anda ketahui telah dikemukakan sebelum kami meluluskan permohonan Insurans anda, dan juga maklumat yang mana seseorang, menurut situasi, secara warasnya sepatutnya mengemukakan kepada kami, kerana maklumat tersebut mungkin akan mempengaruhi keputusan kami dalam meluluskan permohonan Insurans anda atau sebarang terma yang akan dikenakan ke atas polisi anda, seperti tahap kesihatan, usia, pekerjaan, hobi atau aktiviti yang mana akan meningkatkan risiko atau menimbulkan sebarang kecederaan fizikal atau penyakit.
- Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan polisi anda dengan memulangkan polisi tersebut dalam masa 15 hari selepas menerima polisi. Premium yang telah dibayar (selepas ditolak yuran memproses dokumen) akan dibayar balik kepada anda.
- Tempoh Kelayakan / Tempoh Menunggu - kelayakan untuk pembiayaan di bawah polisi ini hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh polisi berkuatkuasa.
- Melainkan polisi ini telah diperbaharui, perlindungan akan berhenti pada tarikh tamat polisi dan syarikat insurans dengan tegasnya tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan untuk perbelanjaan yang berlaku selepas tarikh tempoh tamat.
- Bayaran Bersama - Sila pastikan bahawa anda tidak melebihi kadar kelayakan anda untuk pembiayaan Bilik Hospital dan Penginapan hospital yang dilampirkan di dalam Jadual Manfaat. Jika anda melebihi kadar kelayakan anda, anda akan diminta menanggung caj Bilik Hospital dan Penginapan Hospital yang terlebih dan 20% daripada caj faedah-faedah yang lain.

6. Apakah pengecualian-pengecualian utama polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- Penyakit Sedia Ada dan Penyakit Khusus
- Bersalin
- Keabnormalan Kongenital
- Kecederaan Kemalangan atau Penyakit yang dialami akibat daripada berlumba
- Pembedahan Kosmetik atau Plastik
- Sebarang rawatan pergigian termasuk pembedahan oral

Nota: Senarai pengecualian ini telah diringkaskan dan tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada perjanjian polisi untuk senarai pengecualian yang terperinci.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis. Selepas pembatalan polisi, anda layak menerima bayaran balik premium, dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam tahun polisi semasa. Bayaran balik premium anda akan dibayar bersekadar dan tertakluk kepada terma-terma Jadual Kadar Jangka Masa Pendek yang dimaklumkan di dalam perjanjian polisi anda.

8. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform us of any changes in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

9. Is my Personal Data Safe?

Your privacy is important to us. We will treat all information declared to us confidentially. In provision of insurance to you the information you have provided may be used by us for:

- a. The processing of your insurance application / proposal,
- b. provision of insurance related products or services, or
- c. any addition, alteration, variation, cancellation, renewal or reinstatement to your policy.
- d. May be used and disclosed to any related company or any third party carrying our insurance or reinsurance related business or an intermediary or a claims or investigation or other service provider deemed necessary to the administration of your insurance and claim.
- e. May be used or disclosed where such disclosure is required under the law, by court order or pursuant to guidelines issued by regulatory or other relevant authorities,
- f. if we reasonably believe that we have a lawful right to disclose your Personal Data to any of our third parties and would have had your consent for such disclosure if you had known of the same, and/ or if the disclosure is in the public's interest.

Unless we receive your written objection to the terms above in respect to the processing of your Personal Data, we shall assume that you are agreeable to the same. For enquiries, complaints or requests for access to, or correction of your Personal Data or to limit the processing of your Personal Data at any time hereafter please submit such requests to pda@progressiveinsurance.com.my

10. Where can I get further information?

Should you require additional information about medical and health insurance, please refer to the insuranceinfo booklet on 'Medical & Health Insurance', available at all our branches or you can obtain a copy from the insurance agent or visit www.insuranceinfo.com.my

If you have any enquiries, please contact us at:

Progressive Insurance Berhad
6th, 9th & 10th Floor, Menara BGI Plaza Berjaya,
No.12 Jalan Imbi 55100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2118 8000 Fax: 03-2118 8098
Website : www.progressiveinsurance.com.my

11. Other types of Medical and Health Insurance cover available

Progressive Insurance Bhd also provides other medical and health insurance policies. Please contact us at the address above for assistance.

8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi kami agar dimaklumkan dengan secepat mungkin mengenai sebarang perubahan nombor talian dan perubahan alamat anda supaya segala surat-menyurat kami dapat diterima oleh anda dengan kadar segera.

9. Adakah maklumat peribadi saya dilindungi?

Perlindungan maklumat sulit anda adalah penting bagi kami. Kami akan menyimpan semua maklumat anda dengan selamat. Semasa menyediakan perlindungan bagi anda, maklumat yang telah anda berikan kepada Syarikat kami mungkin akan digunakan bagi tujuan:

- a. memproses permohonan insurans anda
- b. berkaitan dengan produk atau perkhidmatan
- c. sebarang penambahan, pindaan, perubahan, pembatalan, pembaharuan atau penyambungan polisi anda.
- d. Kemungkinan akan diberikan kepada syarikat yang berkaitan atau pihak ketiga yang mengendalikan insurans anda atau berkaitan dengan insurans semula, atau syarikat perantaraan yang memproses tuntutan anda, bagi penyiasatan atau bagi penyedia perkhidmatan lain yang diperlukan untuk mengendalikan insurans atau tuntutan anda.
- e. Kemungkinan akan digunakan atau didedahkan sekiranya diperlukan oleh Undang-undang, mahkamah atau pihak berkuasa yang berkaitan.
- f. Sekiranya Syarikat kami percaya bahawa kami mempunyai hak dari segi undang-undang untuk memberikan maklumat peribadi anda kepada pihak ketiga ataupun anda sememangnya akan turut bersetuju sekiranya anda mengetahui maklumat yang sama, dan/atau sekiranya pendedahan maklumat tersebut adalah untuk kepentingan masyarakat.

Melainkan sekiranya Syarikat kami menerima bantahan daripada anda secara bertulis bagi terma-terma di atas mengenai pemrosesan maklumat peribadi anda, Syarikat kami akan mengandaikan bahawa anda turut bersetuju dengan semua terma tersebut. Untuk sebarang pertanyaan, aduan atau permintaan untuk mendapatkan atau pembetulan pada data peribadi anda pada bila-bila masa selepas itu, anda boleh menghantar pertanyaan tersebut menerusi pda@progressiveinsurance.com.my

10. Di manakah maklumat lanjut boleh didapati?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada buku panduan insuranceinfo bahagian "Insurans Perubatan dan Kesihatan", yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinan daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di: Progressive Insurance Berhad
Tingkat 6, 9 & 10, Menara BGI Plaza Berjaya,
No.12 Jalan Imbi 55100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2118 8000 Faks: 03-2118 8098
Laman web : www.progressiveinsurance.com.my

11. Jenis perlindungan Insurans Perubatan dan Kesihatan yang lain juga disediakan

Progressive Insurance Bhd juga menyediakan polisi Insurans perubatan dan kesihatan yang lain. Sila hubungi kami di alamat yang dikemukakan di atas untuk mendapatkan keterangan yang lanjut.

IMPORTANT NOTE:

YOU SHOULD SATISFY YOURSELF THAT THIS POLICY WILL BEST SERVE YOUR NEEDS. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE INSURANCE POLICY AND DISCUSS WITH THE AGENT OR CONTACT THE INSURANCE COMPANY DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. SILA BACA DAN FAHAMKAN POLISI INSURANS INI DAN BINCANGKAN SEBARANG KERAGUAN ATAU KEMUSYKILAN DENGAN EJEN ANDA, ATAU PUN ANDA BOLEH HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

This brochure is not a contract of insurance. Specific details of coverage are set out in the policy. In the event of any inconsistencies the English version shall prevail.

Risalah ini bukan perjanjian insurans. Maklumat lanjut mengenai perlindungan ini telah dilampirkan di dalam polisi. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.



Checklist

Note: An insurer or its intermediary must disclose the essential information regarding a Medical and Health Insurance (MHI) policy. This checklist also serves to guide the prospect to seek an explanation on the essential features of a MHI policy so that he is able to make an informed decision before purchasing the policy. When in doubt or where there is ambiguity, the prospect is advised to seek further clarification / information from the insurer / intermediary.

- The booklet "*The Introduction to Medical and Health Insurance Products*" issued by Bank Negara Malaysia on the basics of MHI.
- The policy documents for details of the important features of the policies purchased.
- Avenues where details of the important features of the policy are also available (e.g. in the website of the insurer / policy document / etc. – insurer to specify)
- Benefits payable under the policy.
- Significant medical or technical exclusions or restriction applicable.
- Limits of benefits (e.g. % of costs covered by the policy, co-payment, ceiling to total claim costs and deductible amounts).
- Amount of premiums payable and the payable term.
- Nature and extent of the insurer's right to review and revise the premiums payable, and the notice to be given by the insurer in the event of any revision.
- Pre-existing conditions, specified illnesses and qualifying period and the relevant periods applicable.
- For yearly renewable policies, whether policy renewal is guaranteed.
- Possible conditions that would lead the following scenarios on policy renewals:
 - a policy is renewed with a level premium;
 - a policy is renewed with an increased premium; or
 - a policy is not renewed.
- Likely implications of switching policy from one insurer to another or transferring from one type of MHI plan to another.
- A "free-look period" of 15 days given for a policy owner to review the suitability of the newly purchased MHI product. If the policy is returned to the insurer during this period, the full premiums would be refunded to the policy owner minus the expenses incurred.
- The right of an insurer to repudiate liability in the event that a prospective policy owner failed to disclose relevant information that would affect the decision of the insurer to accept or reject the risk, and on the premiums and terms to be applied to the policy owner.

Note: Insurer / intermediary should also cross-reference the above items to the corresponding terms and conditions contained in the policy contract accordingly. For this purpose, a sample policy contract may be used for reference. Prospective policy owners should be advised to refer to the original policy contract for the actual terms and conditions.

Senarai Semak Maklumat

Nota: Pihak Insurans atau Wakil Insurans hendaklah memberitahu segala maklumat penting mengenai polisi Medical and Health Insurance (MHI). Senarai Semak Maklumat ini juga dijadikan panduan kepada pemohon semasa mendapatkan penerangan mengenai ciri-ciri penting polisi MHI, agar pemohon memahami tentang polisi MHI sebelum membeli polisi tersebut. Jika adanya sebarang keraguan atau kemusykilan, pemohon dinasihatkan agar mendapatkan penerangan / maklumat lanjut daripada Pihak Insurans / Wakil Insurans.

- Buku panduan "*The Introduction to Medical and Health Insurance Products*" yang dikeluarkan oleh pihak Bank Negara Malaysia mengenai ciri-ciri asas MHI.
- Dokumen Polisi yang dibeli merujuk kepada butir-butir terperinci yang penting.
- Sumber rujukan lanjut mengenai ciri-ciri penting polisi juga tersedia (contohnya di laman web Pihak Insurans / Dokumen Polisi / dll.)
- Manfaat-manfaat yang layak dibiayai di bawah polisi.
- Terdapat pengecualian dan had-had perubatan atau teknikal di dalam polisi yang dibeli.
- Had-had manfaat (contoh: % daripada perbelanjaan yang dibiayai di bawah polisi, pembayaran bersama, had maksima jumlah kesemua tuntutan, dan amaun yang ditolak)
- Jumlah premium yang harus dibayar dan tempoh pembayaran.
- Pihak Insurans berhak untuk mengkaji dan menyemak semula premium yang harus dibayar, dan notis pemberitahuan akan dikeluarkan oleh Pihak Insurans jika terdapat sebarang perubahan.
- Klausula Penyakit yang Sedia Ada, Penyakit Khusus, dan Tempoh Kelayakan, serta klausa-klausa mengenai tempoh-tempoh lain yang berkenaan.
- Sama ada pembaharuan polisi adalah dijamin ataupun tidak bagi polisi yang diperbaharui secara tahunan.
- Perkara-perkara yang mungkin akan mengakibatkan senario-senario yang berikut semasa pembaharuan Polisi:
 - Polisi diperbaharui tanpa kenaikan premium
 - Polisi diperbaharui dengan premium yang bertambah; atau
 - Polisi tidak diperbaharui.
- Implikasi pemindahan polisi daripada satu Pihak Insurans kepada Pihak Insurans yang lain, atau daripada sesuatu pelan MHI kepada pelan MHI yang lain.
- Tempoh bertenang selama 15 hari diberikan supaya Pemilik Polisi boleh menyemak semula kesesuaian produk MHI yang baru dibeli. Jika Polisi dipulangkan kepada Pihak Insurans dalam tempoh tersebut, Pemilik Polisi layak menerima pulangan premium secara penuh, selepas menolak kos memproses dokumen.
- Pihak Insurans berhak untuk menolak segala tanggungan sekiranya Pemohon tidak memberi segala maklumat yang boleh mempengaruhi keputusan Pihak Insurans untuk menerima atau menolak perlindungan yang dipohon, ataupun yang boleh mempengaruhi kadar premium dan terma-terma perlindungan tersebut.


Nota: Pihak Insurans / Wakil Insurans hendaklah merujuk kepada terma dan syarat yang berkaitan di dalam Perjanjian Polisi semasa menerangkan perkara-perkara di atas. Bagi tujuan ini, Perjanjian Polisi contoh boleh digunakan untuk membuat rujukan tersebut. Pemohon Polisi hendaklah dinasihatkan supaya merujuk kepada Perjanjian Polisi yang sebenarnya untuk terma dan syarat yang terperinci.





PROGRESSIVE INSURANCE BHD (19002-P)

Head Office

6th, 9th & 10th Floor, Menara BGI, Plaza Berjaya,
No. 12, Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur,
P.O. Box 10028, 50700 Kuala Lumpur.



 03-2118 8000

 03-2118 8098

 www.progressiveinsurance.com.my

Kota Kinabalu Office



Grd & 7th Floor, Wisma Perkasa, Jalan Gaya,
P. O. Box 13936, 88845 Kota Kinabalu, Sabah

 088-244 216  088-218 004

Kuching Office



Sublot 11 & 12, Lots 9966 & 9967,
1st Floor, Premier 101,

Jalan Tun Jugah, 93350 Kuching, Sarawak.

 082-572 019 / 030  082-572 013



Sandakan Office

1st Floor, Lot 1, Block 3, Bandar Indah,
Mile 4, North Road, 90000 Sandakan, Sabah

 089-238 810  089-237 709



Butterworth Office

2755, Grd & 1st Floor, Jalan Chain Ferry,
Taman Inderawasih, 13600 Prai,
Seberang Prai Tengah, Penang

 04-397 7128  04-397 7126



Johor Bahru Office

No. 17-01, Jalan Kebun Teh 1,
Pusat Perdagangan Kebun Teh,
80250 Johor Bahru, Johor.

 07-227 0991 / 2  07-227 0996

Melaka Office

No. 13-A, Jalan Melaka Raya 24,
Taman Melaka Raya, 75000 Melaka

 06-288 3831  06-288 3832

Progressive for You

Agent / Broker: